



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUNAAN LAPTOP DI KALANGAN GURU-GURU MENGAJAR SUBJEK SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS

MOHD ZAMHARI BIN MOHD SALLEH



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI SAINS KOGNITIF DAN
PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2005



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGAKUAN

Saya mengaku karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

30.03.2005

MOHD ZAMHARI BIN MOHD SALLEH
99200039





PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu saya menjadikan kajian ini satu kenyataan.

Pertamanya kepada pensyarah-pensyarah Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan UPSI di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan. Kepada pensyarah pembimbing, En. Ismail bin Abdul Raoh, di atas segala dorongan, sokongan dan kesabaran beliau. Rakan-rakan sekuliah, program Reka Bentuk Instruksional dan Teknologi, rakan-rakan Pasca Siswazah, dan juga kepada guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Sungai Sumun, Perak yang sudi menjadi responden kajian.

Penghargaan istimewa kepada ibu, isteri dan anak-anak (Annurun Najah dan Annurun Najwa) di atas doa, kesabaran dan pengorbanan kalian.

Tanpa anda semua, siapalah saya.



Syukur kepada Allah di atas keizinanNya yang memungkinkan segalanya berlaku mengikut ketentuanNya.

TERIMA KASIH





PENGUNAAN LAPTOP DI KALANGAN GURU-GURU MENGAJAR SUBJEK SAINS DAN MATEMATIK DALAM BAHASA INGGERIS.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui secara statistik penggunaan komputer laptop di kalangan guru-guru yang dibekalkan dengan peralatan tersebut dalam mengajar subjek Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris dan hubungannya dengan minat, pengalaman, kecekapan, kemahiran, latihan, serta kesannya ke atas prestasi pencapaian pelajar dalam subjek yang berkenaan. Sampel untuk kajian ini terdiri daripada 10 orang guru yang merupakan kumpulan pertama di Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Sungai Sumun, Perak yang telah dibekalkan dengan komputer laptop oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tujuan pengajaran subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan borang soal selidik yang mengandungi 36 item. Item-item dalam soal selidik ini merangkumi soalan-soalan mengenai aspek latar belakang guru sebagai responden, minat, pengalaman, kemahiran, kebolehan, sikap, tabiat penggunaan, kesesuaian latihan serta pengharapan dan pendapat mereka terhadap penggunaan komputer laptop dalam pengajaran. Data yang telah dikumpul oleh penyelidik dianalisis dengan menggunakan perisian '*Statistical Package for Social Science (SPSS), version 11.0 for Windows*. Statistik deskriptif dan statistik inferensi digunakan untuk mentafsir data daripada soal selidik. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran mengenai tahap minat, kecekapan, kemahiran, kesesuaian latihan dan pengetahuan guru terhadap penggunaan laptop dalam proses pengajaran mereka dan seterusnya dalam meningkatkan tahap prestasi pelajar dalam subjek yang berkenaan. Ini sekaligus boleh menjadi kayu ukur kepada pihak pentadbir untuk menentukan program-program yang sesuai yang perlu diatur bagi memperbaiki segala kelemahan dan masalah yang mungkin wujud, terutamanya di peringkat guru yang mengendalikan komputer laptop atau melakukan penambahbaikan yang menjurus kepada peningkatan tahap pencapaian pelajar dalam akademik melalui penggunaan komputer laptop ini. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara pembolehubah pengalaman menggunakan komputer peribadi dengan kecekapan mengendalikan komputer laptop, di antara berminat menggunakan komputer laptop dengan kecekapan menggunakan komputer laptop dan di antara latihan yang sesuai dan mencukupi dengan peningkatan pencapaian pelajaran pelajar.



THE USE OF LAPTOP AMONG TEACHERS TEACHING SCIENCE AND MATHEMATICS IN ENGLISH.

ABSTRACT

This research is conducted to find out statistically the relation between the use of laptop computers among teachers who have been provided with the laptop computers in the teaching of Science and Maths subjects in English with the interest, experience, efficiency, skill, training and its effects on the students' performance in the subjects mentioned. The size sample for this study consists of 10 teachers from the first batch in Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Sungai Sumun, Perak that have been equipped with the laptop computers by the Ministry of Education. The instrument used in this research is a set of questionnaire which consists of 36 items. The items are designed to get a better understanding about background aspects of the teachers as respondents, their interest, experience, skill, capability, attitude, habit of use, the training, and their hopes and opinion on the use of laptop computer in teaching. The data gathered then being analysed by using the '*Statistical Package for Social Science (SPSS)*' version 11.0 for Windows. Inference and descriptive statistic are used to analyse the data getting from the questionnaire. It is hoped that the findings from this research can give a perspective on the level of interest, efficiency skill, training, and knowledge of the teachers towards the use of laptop computers in their teaching activities and how this qualities help to improve students' performance in the subject. It can be used as a yardstick by the school administrators to decide on suitable programmes to help overcome any existing weaknesses, especially among teachers who are using laptop computer or to enhance students' academic achievement through the use of the laptop. The result revealed that there was a significant relation between variable of experience using the personal computer with the efficiency handling the computer laptop, between the interest of using the computer laptop with efficiency of using the computer laptop and the relation between getting enough and essential training with the increase of students' academic achievement.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Latar Belakang 01

1.2 Penyataan Masalah 04

1.3 Tujuan Kajian 06

1.4 Model Konseptual Kajian 07

1.4.1 Kerangka Teori 10

1.5 Hujah dan Andaian 12

1.6 Persoalan Kajian 13

1.7 Kepentingan Kajian 15

1.8 Batasan Kajian 16

BAB 2 : KAJIAN LITERATUR

2.1 Kajian Lampau Berhubung Dengan Aplikasi Komputer 17

2.2 Aplikasi Komputer Laptop Masa Kini. 21

BAB 3 : METODOLOGI

3.1	Reka Bentuk Kajian	23
3.2	Instrumen Kajian	24
3.3	Persampelan	26
3.4	Prosedur Kajian	26
3.5	Analisis Data	27

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	29
4.2	Analisis dan Dapatan Kajian	29

BAB 5 : RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	42
5.2	Kesimpulan Dapatan Kajian	42
5.3	Ringkasan Dapatan	49
5.4	Cadangan	50
5.5	Rumusan	52

	RUJUKAN	53
--	---------	----

	LAMPIRAN Borang Soal Selidik	
--	------------------------------	--

SENARAI RAJAH

Rajah	muka surat
1.4 Model Konseptual Kajian	09
1.4.1.1 Model Adaptasi Teknologi	10

SENARAI JADUAL

Jadual		muka surat
4.2.1	Jadual Kekerapan Setiap Variable	30
4.2.3.1	Hubungan Antara Variable	31
4.2.5.1	Korelasi antara variabel Berminat dengan variabel-variabel lain	35
4.2.5.2	Korelasi antara variabel Mahir Peralatan dengan variabel-variabel lain.	36
4.2.5.3	Korelasi antara variabel Mahir Program dengan variabel-variabel lain.	37
4.2.5.4	Korelasi antara variabel Pengalaman dengan variabel-variabel lain.	38
4.2.5.5	Korelasi antara variabel Latihan dengan variabel-variabel lain.	39
4.2.5.6	Korelasi antara variabel Pencapaian dengan variabel-variabel lain.	40
4.2.5.7	Korelasi antara variabel Kecekapan dengan variabel-variabel lain.	41



BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang.

Tahun 2000 merupakan tahun kesepuluh selepas tibanya era yang dikenali sebagai 'Knowledge Era' atau Era Pengetahuan (Trilling & Hood, 1999).

Komputer merupakan salah satu alat (tool) yang penting dalam era pengetahuan. Dengan perkembangan yang pesat dalam teknologi komputer dan terciptanya komputer peribadi yang murah serta mempunyai keupayaan yang tinggi, komputer telah digunakan secara meluas dalam berbagai bidang kehidupan. Dalam lain perkataan, penggunaan komputer telah mengubah cara manusia bekerja, belajar, berhibur, berfikir serta berkomunikasi.

Seperti di negara-negara maju, pengaruh komputer telah mula masuk ke sekolah-sekolah di Malaysia terutamanya di kawasan bandar. Pada awal tahun 1980-an, kelab komputer sekolah telah ditubuhkan secara sukarela. Objektif penubuhan kelab komputer ialah untuk memberi kesempatan kepada



pelajar mempelajari komputer dan literasi komputer (Kementerian Pendidikan, 1986). Lanjutan daripada projek kenal faham komputer di 20 buah sekolah, pada tahun 1993, pelajaran komputer telah diperkenalkan di 60 buah sekolah projek printis yang merupakan usaha awal Kementerian Pendidikan untuk menggalakkan guru dan pelajar menggunakan komputer sebagai alat pengajaran dan pembelajaran di samping meningkatkan program kesedaran dan literasi komputer di sekolah.

Penggunaan komputer dalam pendidikan telah menjadi trenda sejagat atau global. Di seluruh dunia, aplikasi komputer meliputi berbagai-bagai aspek persekolahan, daripada urusan pentadbiran kepada pengajaran-pembelajaran. Penggunaan komputer dalam pendidikan berlaku pada semua peringkat persekolahan, dari peringkat pra-sekolah hingga ke peringkat universiti. Oleh kerana penggunaan komputer dalam pendidikan merupakan suatu pengalaman baru, usaha ini merupakan satu inovasi kepada kebanyakan sekolah.

Pada tahun 1997, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengorak langkah dengan mewujudkan konsep 'Sekolah Bestari' yang bertujuan membantu mencapai Falsafah Pendidikan Negara serta matlamat Wawasan 2020. Satu daripada fokus Sekolah Bestari adalah penggunaan teknologi komputer secara meluas atau pun integrasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran (Pusat Perkembangan Kurikulum, 1998).





Penghasilan komputer laptop pula merupakan suatu pilihan terbaru dalam dunia teknologi perkomputeran yang menampilkan ciri-ciri yang lebih ringan, saiz yang lebih kecil, mudahalih dan mudah dikendalikan. Ianya boleh digunakan di mana-mana sahaja dan pada bila-bila masa yang dikehendaki walaupun tanpa bekalan tenaga elektrik. Kajian ini cuba memberi fokus kepada minat, kecekapan, pengetahuan dan kemahiran guru-guru dalam menggunakan komputer laptop, aplikasi dalam pengajaran serta masalah yang dihadapi, kesesuaian latihan yang diterima serta harapan mereka terhadap peningkatan pencapaian pelajaran pelajar hasil daripada penggunaan komputer laptop ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Perubahan dasar pendidikan dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris mulai tahun 2003 telah menuntut perubahan proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan guru-guru dan juga para pelajar. Bagi memastikan kejayaan perubahan dasar ini, kerajaan telah menyediakan peruntukan yang besar bagi membekalkan guru-guru yang terlibat dengan komputer laptop berserta dengan perkakasan sokongan lain.





1.2 Penyataan Masalah.

Guru-guru yang mengajar subjek Matematik dan Sains menggunakan Bahasa Inggeris bagi Tingkatan Satu di sekolah kini dibekalkan dengan laptop oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia bagi kegunaan mereka dalam menjalankan proses pengajaran. Di samping perlu menggunakan peralatan ini secara berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris, guru-guru ini juga dibekalkan dengan modul-modul pengajaran yang sesuai dalam bentuk Cakera Padat (CD) pembelajaran.

Kebanyakan guru-guru ini mempunyai latarbelakang, kemahiran, pengetahuan dan kebolehan yang berbeza dalam mengaplikasi komputer dan program-programnya. Terdapat guru yang agak berkemahiran kerana telah biasa menggunakan komputer dalam melaksanakan tugas-tugas mereka seharian berbanding dengan guru-guru lain yang mungkin amat kurang menggunakan komputer dalam melaksanakan tugas-tugas mereka.

Terdapat guru yang dikatakan menghabiskan banyak masa dalam melakukan persediaan (setting) peralatan komputer berbanding dengan proses pengajaran yang dilaksanakannya. Ini adalah kerana kebanyakan guru baru mula menguasai penggunaan komputer peribadi dan perisian program yang mudah. Penggunaan komputer laptop merupakan suatu pengalaman yang baru kepada mereka dan memerlukan mereka melakukan persediaan awal seperti penyambungan kabel dan wayar ke peralatan-peralatan sokongan lain yang





diperlukan seperti menyambung dan menghidupkan projektor LCD, juga kepada peralatan-peralatan yang terdapat pada troli yang dibekalkan.

Guru-guru berkenaan juga perlu bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan komputer laptop yang mereka gunakan. Mereka perlu membawanya ke sana ke mari, khususnya ke bilik-bilik yang dikhaskan untuk penggunaannya bersama peralatan sokongan yang lain. Guru-guru yang terlibat juga mesti mempelajari dan tahu tentang penggunaan butang-butang aplikasi yang terdapat pada laptop mereka.

Oleh yang demikian guru-guru perlu mendapat kemahiran tentang tatacara penggunaannya yang betul dan tahu apa yang perlu dilakukan sekiranya terjadi sesuatu yang menghalang kelancaran penggunaannya. Kebolehan guru dalam mengendalikan komputer laptop ini akan dapat menjimatkan masa dan memberikan keyakinan kepada mereka dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar. Pelajar pula akan lebih yakin terhadap pengajaran guru dan memudahkan proses pembelajaran mereka. Pengajaran akan dapat dijalankan dengan lancar dan guru-guru dapat mengatur gerakerja seperti yang dirancang, untuk mencapai objektif yang ditetapkan. Kesemua pernyataan ini telah mendorong pengkaji untuk mengetahui keadaan yang sebenar yang dihadapi dan dialami oleh guru-guru yang terlibat.





Pihak Kementerian Pendidikan sudah semestinya mengharapkan guru-guru berkenaan dapat menggunakan peralatan yang dibekalkan ini secara menyeluruh dan berkesan, bukan sahaja sebagai penyampai maklumat malah juga sebagai medium komunikasi masa kini.

1.3 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui secara statistik penggunaan komputer laptop di kalangan guru-guru yang dibekalkan dengan peralatan tersebut dalam mengajar subjek Sains dan Matematik menggunakan Bahasa Inggeris dan hubungannya dengan minat, pengalaman, kecekapan, kemahiran, kesesuaian latihan yang diterima dan kesannya ke atas prestasi pencapaian pelajar dalam subjek yang berkenaan.



Kajian dijalankan untuk mengenalpasti samada wujud masalah di kalangan guru-guru dalam mengendalikan komputer laptop yang berkaitan dengan minat mereka terhadap penggunaan, kebolehan, kecekapan dan kemahiran yang terdapat pada diri mereka sendiri dan masalah yang mungkin mereka hadapi dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran hasil daripada penggunaan komputer laptop ini. Kajian memberi tumpuan kepada persoalan mengenai minat responden terhadap penggunaan komputer laptop, kemahiran mereka mengendalikan peralatan tersebut, kemahiran mereka menggunakan program-program yang tersedia pada komputer laptop,





kesesuaian latihan yang diberikan kepada mereka dan pengharapan mereka terhadap peningkatan pencapaian pelajar hasil daripada penggunaan komputer laptop ini.

Kajian juga dijalankan untuk mengetahui hubungan antara pembolehubah-pembolehubah yang terlibat iaitu minat, mahir program, mahir peralatan, pengalaman, kecekapan, latihan dan pencapaian, samada ianya signifikan atau sebaliknya. Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat membantu pihak pengurusan sekolah untuk mengenalpasti langkah-langkah proaktif untuk dilaksanakan dalam membantu guru-guru mengatasi sebarang masalah yang timbul supaya penggunaan komputer laptop ini benar-benar memberi faedah dan dapat dimanfaatkan secara maksimum.



1.4 Model Konseptual Kajian

Daripada paparan peta konseptual yang ditunjukkan dan berdasarkan kepada hubungan antara variabel-variabel yang dikaji, secara logiknya dapatlah dikatakan bahawa pengalaman menggunakan komputer dan latihan yang sesuai serta mencukupi yang diterima akan mewujudkan kemahiran yang diperlukan. Seseorang yang berkemahiran menggunakan program komputer dan berkemahiran pula dalam mengendalikan peralatan komputer akan menjadi pendorong yang kuat kepadanya untuk berminat menggunakan komputer





laptop kerana mereka tidak merasakan bahawa penggunaan komputer laptop itu sebagai sesuatu yang asing bagi mereka.


Seterusnya minat yang kuat dalam penggunaan komputer laptop ini berserta latihan yang sesuai serta mencukupi yang diterima akan meningkatkan kecekapan seseorang menggunakan komputer laptop. Akhirnya, seseorang yang mempunyai kecekapan menggunakan komputer laptop dan dibantu oleh latihan yang sesuai dan mencukupi akan berupaya membantu peningkatan pencapaian pelajar.

Hubungan antara variabel-variabel tersebut ditunjukkan dalam aliran peta konseptual seperti rajah di sebelah.





PETA KONSEPTUAL: Rajah 1.4






1.4.1 Kerangka Teori

Integrasi teknologi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran merupakan peringkat yang amat penting dalam penerimaan teknologi di kalangan guru-guru. Menurut Hooper & Rieber (1995), penerimaan guru terhadap teknologi berada pada tahap yang progresif iaitu di peringkat ketiga seperti yang ditunjukkan oleh Rajah 1.4.1.1

Rajah 1.4.1.1

Model Adaptasi Teknologi



Sumber : Hooper, S. & Rieber, L.P. (1995)



Teknologi komputer kini semakin banyak digunakan dalam pelbagai bidang dan ini menyebabkan masyarakat terutamanya guru-guru seharusnya lebih peka dan sedar terhadap kewujudan, kegunaan, potensi dan teknologinya dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurut Hooper & Rieber lagi, guru-guru mendapatkan pengetahuan mengenai komputer di peringkat awal menerusi perbincangan dengan rakan-rakan, pembacaan daripada buku-buku yang berkaitan dengan komputer serta melihat kemajuan yang ditunjukkan oleh rakan-rakan atau anak-anak mereka dalam menggunakan komputer.

Seterusnya guru-guru akan mengikuti kursus-kursus berkaitan komputer kerana diarahkan oleh pihak pentadbir atau terdapat juga guru yang mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk memahirkan diri dengan penggunaan komputer melalui kelas-kelas komputer yang dianjurkan oleh pihak swasta. Pengetahuan yang diperolehi ini pula akan digunakan dalam pengajaran di sekolah-sekolah. Menurut Hooper & Rieber lagi, penggunaan teknologi biasanya bermula dengan penggunaan untuk peribadi (personal use). Semakin seseorang itu menguasai kemahiran menggunakan komputer maka semakin keraplah mereka menggunakannya dalam pekerjaan masing-masing.

Kesannya guru-guru akan dapat mengintegrasikan pengajaran mereka dengan komputer secara tersusun dan sistematik. Bagaimanapun guru-guru perlulah sentiasa mengikuti perkembangan pesat yang berlaku dalam teknologi komputer supaya mereka tidak ketinggalan daripada segi maklumat,



pengetahuan dan kemahiran dan dapat mencari pelbagai kaedah untuk mengadaptasikan teknologi komputer dalam pengajaran mereka. Ini merupakan peringkat tertinggi dalam model ini.

1.5 Hujah dan Andaian

1.5.1 Guru yang mempunyai kebolehan menggunakan komputer peribadi berkemungkinan lebih berminat menggunakan komputer laptop. Andaiannya ialah guru yang sudah biasa menggunakan komputer peribadi dalam tugas mereka tidak akan berasa janggal atau kekuk mengendalikan komputer laptop malah akan lebih memotivasi dan menggunakannya secara optima.

1.5.2 Kecekapan dan kemahiran dalam mengaplikasikan peralatan dan program komputer sangat penting untuk meningkatkan tahap keyakinan dan keupayaan guru dan ini akan mempengaruhi caragaya guru bekerja. Ini kerana mereka yang cekap dan mahir akan tahu apa yang sepatutnya dilakukan mengikut prosedur kerja yang betul dan dapat mengenalpasti langkah-langkah yang sesuai apabila berhadapan dengan masalah yang tidak dijangkakan, dalam masa mereka mengendalikan peralatan-peralatan dan program-program tersebut.



1.5.3 Guru yang mendapat latihan dan pendedahan yang secukupnya akan lebih berkeyakinan dan lebih bermotivasi dalam menjalankan tugas. Ini kerana mereka dapat menggunakan pengetahuan serta maklumat yang diperolehi untuk memberi keyakinan dan kefahaman yang lebih kepada pelajar dalam proses pengajaran yang dijalankan.

1.5.4 Lebih cekap guru menggunakan komputer laptop lebih berkesan pengajaran yang disampaikan dan akan berupaya meningkatkan prestasi pencapaian pelajar mereka. Ini kerana guru-guru yang cekap tidak akan menghadapi masalah yang boleh mengganggu proses pengajaran mereka dan pengajaran dapat dilakukan secara tersusun dan berkesan.



1.6 Persoalan Kajian

Daripada tujuan kajian yang dinyatakan, persoalan umum kajian bertumpu kepada tiga aspek yang utama iaitu,

- a. Adakah guru-guru bersedia untuk menggunakan komputer laptop dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran?
- b. Adakah guru-guru menghadapi sebarang masalah dalam menggunakan komputer laptop dan program-program yang terdapat padanya?
- c. Adakah penggunaan komputer laptop ini dapat membantu guru mempertingkatkan pencapaian pelajaran pelajar?





Daripada persoalan umum tersebut, persoalan-persoalan yang khusus seperti berikut, seperti mana yang terdapat dalam item soalselidik, diketengahkan;

- 1.6.1 Adakah responden berminat menggunakan komputer laptop?
- 1.6.2 Adakah responden mahir mengendalikan peralatan komputer?
- 1.6.3 Adakah responden mahir menggunakan program-program yang terdapat pada komputer laptop?
- 1.6.4 Adakah pengalaman responden menggunakan komputer peribadi banyak membantu mereka mengendalikan komputer laptop?
- 1.6.5 Adakah latihan menggunakan komputer yang diterima oleh responden sesuai dan mencukupi?
- 1.6.6 Adakah responden merasakan bahawa penggunaan laptop banyak membantu pencapaian pelajar mereka?
- 1.6.7 Adakah responden cekap menggunakan komputer laptop?
- 1.6.8 Adakah terdapat hubungan di antara pengalaman menggunakan komputer peribadi (pengalaman) dengan kecekapan menggunakan komputer laptop (kecekapan)?
- 1.6.9 Adakah terdapat hubungan antara kecekapan menggunakan laptop (kecekapan) dengan latihan serta kursus yang diterima (latihan)?
- 1.6.10 Adakah terdapat hubungan antara kecekapan menggunakan komputer laptop (kecekapan) dengan peningkatan pencapaian pelajar dalam subjek yang berkenaan (pencapaian)?





1.6.11 Adakah terdapat hubungan di antara minat menggunakan komputer laptop (berminat) dengan kecekapan menggunakannya (kecekapan)?

1.6.12 Adakah terdapat hubungan antara latihan yang diterima (latihan) dengan kemahiran menggunakan program komputer (mahir program)?

1.6.13 Adakah terdapat hubungan di antara semua pembolehubah yang dipilih dalam kajian ini?

1.7 Kepentingan Kajian

Dapatan daripada kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran sejauhmanakah tahap guru-guru yang dikaji terhadap penggunaan komputer laptop yang meliputi aspek minat, kecekapan, kemahiran, pengalaman serta pengharapan mereka terhadap peningkatan pencapaian pelajar melalui aplikasinya dalam proses pengajaran. Dapatan ini diharapkan akan dapat membantu guru-guru yang terlibat dalam mengatasi segala masalah yang timbul akibat daripada penggunaan komputer laptop ini.

Dapatan ini juga boleh menjadi asas kepada pihak pentadbir sekolah untuk mengenalpasti, merancang dan menentukan program-program yang sesuai bagi memperbaiki segala kelemahan yang mungkin wujud di pihak guru (faktor manusia) yang menggunakan peralatan tersebut mahupun masalah teknikal yang wujud semasa mengendalikan peralatan yang digunakan (faktor bahan) atau melakukan sebarang penambahbaikan, terutamanya kepada guru





yang mengendalikan komputer laptop ke arah peningkatan tahap pencapaian pelajar (faktor proses).

Program-program yang dirancang seharusnya dapat mengatasi segala permasalahan yang mungkin wujud di kalangan guru yang menggunakan peralatan komputer laptop dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran mereka, berdasarkan dapatan daripada kajian yang dijalankan.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya melibatkan 10 orang guru bagi peringkat pertama di Sekolah Menengah Kebangsaan Khir Johari, Sungai Sumun, Perak yang dibekalkan dengan kemudahan komputer laptop oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk melaksanakan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu analisis dan hasil kajian yang diperolehi daripada kajian ini tidak boleh diguna pakai untuk membuat rumusan terhadap keseluruhan guru yang dibekalkan dengan komputer laptop untuk tujuan yang sama di semua sekolah di seluruh Malaysia.

